

02 OCT 1996
Gerakan-Chong
CHONG MAHU JUMPA LIM TANPA SYARAT

SEREMBAN, 2 Okt (Bernama) -- Anggota Parlimen Batu Datuk Joseph Chong malam ini berkata Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik tidak seharusnya mengenakan sebarang syarat baginya untuk berjumpa dengan presiden parti Gerakan itu.

Katanya mereka boleh mengadakan perbincangan pada bila-bila masa sama ada secara terbuka atau tertutup tanpa sebarang syarat dikenakan kerana pertemuan itu adalah bagi kepentingan parti dan negara.

"Saya berharap Dr Lim boleh menukar fikirannya dan mengadakan perbincangan dengan saya secepat mungkin dan membenarkan saya bertanding pada pemilihan parti," katanya kepada pemberita selepas berjumpa dengan para penyokongnya di Negeri Sembilan di sini malam ini.

Bagaimanapun katanya beliau tidak akan menemui Lim jika syarat-syarat itu harus dipatuhinya.

Terdahulu Dr Lim berkata beliau bersedia bertemu Chong dengan syarat Chong harus mematuhi perlembagaan parti, mematuhi keputusan-keputusan jawatankuasa pusat, menjaga perpaduan parti dan tidak menggunakan mahkamah atau akhbar untuk menyelesaikan pertikaian.

Mengenai kemungkinan beliau dipecat daripada parti, Chong berkata terpulang kepada jawatankuasa kerja pusat untuk membuat keputusan dan beliau enggan mengulas lebih awal.

"Saya mengambil tindakan mahkamah hanya untuk melindungi hak saya sebagai anggota parti dan hak untuk bertanding pada pemilihan parti walaupun saya bersetuju dengan nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kami menyelesaikan segala perselisihan dalam parti dan bukan di mahkamah.

"Tindakan itu hanya untuk menegaskan hak saya dari segi undang-undang sebagai anggota parti dan tidak membiarkan presiden Gerakan memberikan tafsiran sendiri mengenai perlembagaan parti," katanya.

Chong juga berkata beliau akan mendapatkan pandangan pemimpin Barisan Nasional sebelum membuat sebarang keputusan mengenai kedudukannya sebagai wakil rakyat Batu jika beliau dipecat daripada Gerakan. -- BERNAMA

RAB RON